

504:
MAHATHIR

1975

KUALA LUMPUR, 16 MEI (BERNAMA) -- MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED HARI INI MENGESYUR DIADAKAN SATU TATASUSILA BAGI KAUM GURU UNTUK MENJADI PANDUAN YANG MENYELURUH DAN SERAGAM BAGI KAUM GURU DI NEGARA INI.

KATANYA, TATASUSILA INI AKAN DAPAT MENINGGIKAN LAGI IMEJ DAN KEDUDUKAN KAUM GURU DAN MEMASTIKAN MUTU PERKHIDMATAN MEREKA TIDAK TERJEJAS MALAH BERTAMBAH BAIK.

BERUCAP MERASMIKAN PERAYAAN HARI GURU 1975 PERINGKAT KEBANGSAAN DI SINI, BELIAU MENCADANG SUPAYA JAWATANKUASA PERAYAAN HARI GURU PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN INI DIBERI TUGAS UNTUK MERANGKA TATASUSILA INI YANG BOLEH DITERIMA OLEH GURU DAN PIHAK-PIHAK LAIN.

KATANYA, SEJAUH MANA SUMBANGAN YANG DAPAT DIBERIKAN OLEH KAUM GURU KEPADA PERKEMBANGAN DAN KEMAJUAN PELAJARAN NEGARA BERGANTUNG BESAR KEPADA MEREKA SENDIRI.

+KEBOLEHAN, SIKAP JUJUR DAN PERPADUAN DI KALANGAN GURU-GURU MENJADI FAKTOR UTAMA MENJAMIN PERKHIDMATAN YANG BAIK DAN CEKAP.+
-- BERSAMBUNG 0955/AB

505:
MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

DR. MAHATHIR SETERUSNYA MENGINGATKAN GURU-GURU TENTANG TANGGUNGJAWAB DAN TUGAS BESAR MEREKA UNTUK MEMENUHI HARAPAN MASYARAKAT DAN NEGARA DALAM MEMBIMBING DAN MENDIDIK JENARASI MUDA DENGAN ILMU PENGETAHUAN YANG SESUAI DAN SEIMBANG MENGIKUTI PERUBAHAN MASA TERUTAMA DI ZAMAN SAINS DAN TEKNOLOJI INI.

BELIAU MENGGESE MEREKA MENGAMBIL KESEMPATAN DARI KEMAJUAN SAINS DAN TEKNOLOJI UNTUK MENJALANKAN TUGAS SEBAGAI GURU YANG CEKAP DAN BAIK.

GURU-GURU HENDAKLAH MELENGKAPKAN DIRI DENGAN TEKNIK PENDIDIKAN TERMODERN KERANA SEBAGAI GURU, MEREKA TIDAK HARUS KETINGGALAN ZAMAN DAN TIDAK DAPATMEMBIMBING GURU-GURU ATAU MURID-MURID YANG LEBIH MUDA.

DR. MAHATHIR JUGA MENYERU GURU-GURU MELIBATKAN DIRI DALAM KEGIATAN MASYARAKAT SEKELILINGNYA SEPERTI RANCANGAN BUKU HIJAU DAN LAIN-LAIN.

MENGENAI TUNTUTAN GURU-GURU, MENTERI ITU BERKATA, SOAL INI MESTI DIKAJI DENGAN TELITI SUPAYA IMPLIKSSINYA TIDAK BERLAWANAN DENGAN PERINSIP-PERINSIP PERKHIDMATAN DAN TIDAK PULA MELAHIRKAN LEBIH BANYAK MASAALAH YANG BOLEH MERUMITKAN LAGI PELAKSANAAN DASAR PELAJARAN.

BELIAU MENASIHATKAN GURU-GURU JANGAN BERPECAHBELAH DAN TMENGABAIKAN PULA TUGAS MEREKA KERANA TUNTUTAN MEREKA BELUM DILAYAN. - BERNAMA 1000/AB

204